

Melafazkan Niat “Usolli”

Permasalahan:

Sebahagian kecil individu menghukumkan perbuatan melafazkan niat sebagai “bid’ah”, bahkan lebih buruk lagi apabila sebahagian daripada mereka menyatakan melafazkan niat adalah seumpama amalan yang tidak waras. Apakah pandangan ulama’ berkenaan hal ini?

Jawapan:

Hukum **melafazkan niat** dalam bab Ibadat bukanlah masalah bid’ah yang *munkar* (boleh diingkari), ia adalah masalah khilafiyah di kalangan para ulama’, **bahkan majoriti ulama’ dan mazhab menyatakan ia disunatkan**. Para ulama’ berbeza pandangan berkenaan hukum taklifi bagi melafazkan niat seperti berikut:

Bil.	Para Ulama’	Hukum Taklifi
1	Majoriti Ulama’ dan Mazhab: Hanafiyyah fi al-Mukhtar; Shafi’iyyah dan al- Hanabilah fi al-Madhhab	Sunat; agar lisan bersepakat dengan hati
2	Sebahagian al-Hanafiyyah dan sebahagian al-Hanabilah	Makruh
3	Malikiyyah	Harus melafazkan niat di dalam melakukan ibadat, akan tetapi meninggalkannya lebih baik, melainkan bagi orang yang was-was, maka disunatkan untuk melafazkan niat agar hilang gangguan pada dirinya

Sumber: Diringkaskan dari al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah (Ensiklopedia Fiqh, Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam, Kuwait).

Imam al-Nawawi (676H) menyebut di dalam al-Majmū‘, pada kitab al-Şiyām:

وَمَحَلُّ النِّيَّةِ الْقَلْبُ وَلَا يُشْتَرَطُ نَطْقُ اللِّسَانِ بِلَا خِلَافٍ وَلَا يَكْفِي عَنِ نِيَّةِ الْقَلْبِ بِلَا خِلَافٍ وَلَكِنْ
يُسْتَحَبُّ التَّلْفُظُ مَعَ الْقَلْبِ كَمَا سَبَقَ فِي الوُضُوءِ وَالصَّلَاةِ

“Dan tempat niat itu adalah hati, dan tidak disyaratkan menyebutnya dengan lisan tanpa khilaf, dan tidak pula cukup (dengan menyebut/ melafazkan niat) tanpa niat di hati tanpa khilaf. **Akan tetapi disunatkan melafazkan niat bersama dengan hati** sepertimana yang telah (diterangkan) di dalam (perkara) wudu’ dan solat.”

R: *al-Nawawi (676H) – al-Majmu’ Sharh al-Muhadhdhab.*

Keperluan Melafazkan Niat bagi Membantu *al-Istihdar*

Satu persoalan yang perlu dijelaskan di sini ialah mengapa para ulama’ mazhab al-Shafi’i dan para ulama’ Melayu (yang bermanhaj dengan mazhab al-Shafi’i) menekankan keperluan melafazkan niat bagi ibadat (bagi membantu hakikat niat di hati)?.

Ini adalah kerana mazhab al-Shafi’i berpandangan *al-Istihdar* adalah wajib ketika memulakan amalan (melaksanakan niat), terutamanya dalam bab solat. al-Shaykh ‘Abd al-Rahman al-Jaziri menyebut di dalam kitabnya “*al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-‘Arba‘ah*”:

أن ثلاثة من الأئمة اتفقوا على أن استحضر الصلاة من قيام، وقراءة، وركوع، وسجود عند النية ليس بشرط لصحة الصلاة. وخالف في ذلك الشافعية. فقالوا: لا بد من استحضر بعض أجزاء الصلاة عند النية إن لم يستطع استحضر جميع الأركان

“Sesungguhnya tiga orang daripada para imam (empat mazhab) – iaitu Abu Hanifah, Malik dan Ahmad – bersepakat bahawa menghadirkan (rupa/zat/keadaan) solat daripada berdiri, bacaan, ruku’ dan sujud ketika niat bukanlah merupakan syarat bagi kesahihan solat.

Dan para ulama' mazhab Shafi'i berbeza pandangan di dalam perkara ini, dan mereka berkata: Menghadirkan sebahagian daripada juzu'-juzu' solat ketika berniat adalah merupakan satu kemestian¹, sekiranya seseorang itu tidak mampu untuk menghadirkan keseluruhan rukun (solat, ketika melaksanakan niat)².”

Rujukan tambahan dari “*al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-‘Arba’ah*.”

الشافعية قالوا: يشترط للنية في صلاة الفرض ثلاثة شروط: أحدها: نية الفرضية، بمعنى أن يقصد المصلي
Ta'arrud
كون الصلاة التي يصليها فرضاً؛ ثانيها: قصد فعل الصلاة، بمعنى أنه يستحضر الصلاة، ولو إجمالاً، ويقصد
Qasd
فعلها، وإنما اشترطوا قصد فعل الصلاة لتمييز عن الأفعال الأخرى، ثالثها: تعيين الصلاة التي يصليها من
Istihdar ('Urfiyy)
Ta'yin
ظهر أو عصر، رابعها: أن تكون نية الفرضية وقصد فعل الصلاة وتعيين الصلاة التي يصليها مقارناً لأي جزء
Muqaranah ('Urfiyyah)
من أجزاء تكبيرة الإحرام، فإذا فقد شرط من هذه الشروط بطلب النية، وبطلت الصلاة، لأن النية فرض من
فرائضها،

Dengan memahami syarat-syarat niat di sisi mazhab al-Shafi'i, maka kita akan dapat memahami mengapa para ulama' mereka (ulama' mazhab kita) menyatakan sunat melafazkan niat bagi membantu amalan niat di hati.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ وَعِلْمُهُ أَتْمُّ

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَيَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

¹ al-Istihdar al-Urfi + al-Muqaranah al-‘Urfiyyah.

² al-Istihdar al-Haqiqi + al-Muqaranah al-Haqiqiyah.